

**TEKS UCAPAN  
DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA  
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-  
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**

**MESYUARAT AGUNG  
PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU  
(PIBG) KE-29  
SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN ALAM  
MEGAH (SKTAM)**

**11 MEI 2024 (SABTU)  
8.45 PAGI**

# **MEGAH HALL, SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN ALAM MEGAH, SHAH ALAM, SELANGOR**

---

Assalamualaikum      Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Malaysia  
Madani, Salam Keluarga Koperasi dan  
Salam SKTAM Berdiri Megah.

# [SALUTASI      DISEDIAKAN      URUSETIA PROGRAM]

---

1. Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah perkenannya, kita dapat berkumpul dan menjayakan Mesyuarat Agung

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)  
Ke-29 Sekolah Kebangsaan Taman  
Alam Megah.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak PIBG dan sekolah atas kesudian menjemput

saya bagi merasmikan mesyuarat agung pada tahun ini.

3. Saya sebagai Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebuah institusi yang diberi peranan oleh kerajaan menggerakkan perniagaan gerakan koperasi merasa bangga

kerana pihak PIBG menunjukkan bahawa koperasi semakin diterima masyarakat sebagai satu badan penyatuan sosial dan meningkatkan ekonomi masyarakat.

**Hadirin      Hadirat      yang      dihormati  
sekalian**

4. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) memainkan peranan yang cukup signifikan dalam pembangunan sesebuah sekolah. Peranan PIBG bukan sahaja memberi impak yang besar kepada kemajuan dan pencapaian sekolah, malah turut membantu mencorak hala tuju dan



matlamat sekolah ke arah kecemerlangan pendidikan.

5. Justeru itu, PIBG digalakkan untuk menggunakan platform yang tepat dan berkesan untuk mengumpulkan dana bagi meluaskan lagi peranan PIBG dalam memainkan peranannya seperti mana yang

termaktub dalam peraturan atau perlembangan Pesatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) misalnya menaik taraf infrastruktur sekolah mahupun pembangunan modal insan pelajar.

6. Sehubungan itu, saya menyarankan agar PIBG Sekolah Kebangsaan Taman Alam Megah turut

menubuhkan koperasi sebagai medium atau platform terbaik untuk mendapatkan dana bagi membantu sekolah selain kaedah-kaedah lain yang dilakukan kini.

7. Melalui koperasi yang ditubuhkan nanti boleh dicadangkan aktiviti perniagaan yang dapat

memenuhi bukan sahaja keperluan anggota koperasi itu sendiri malah komuniti sekolah dan menjadi penaja kepada aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah.

**Hadirin      Hadirat      yang      dihormati  
sekalian**

8. Peranan koperasi cukup besar dalam mensejahterakan kehidupan baik dari segi sosial dan ekonomi dan impaknya dirasai di segenap dunia. Memegang prinsip bekerjasama demi manfaat bersama, koperasi menjadi platform perusahaan bergerak menggunakan modal, idea dan

tenaga secara soladiriti dalam memenuhi keperluan bersama.

9. Untuk makluman semua, Perolehan koperasi di Malaysia adalah sebanyak RM 64.5 bilion pada tahun 2023 dan menyumbang kira - kira 2.7 peratus kepada KDNK negara, Manakala koperasi sekolah juga turut

menjadi penyumbang kepada jumlah perolehan ini.

10. Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 2,490 koperasi sekolah ada di seluruh negara, dengan keanggotaan seramai 2.07 juta individu, syer sebanyak RM30.1 juta,

Aset RM475.17 juta dan perolehan sebanyak RM430.42 juta.

11. Kini, 23 buah koperasi sekolah telah mencapai perolehan RM1 juta manakala 1 buah mencapai perolehan RM2 juta. Ini jelas menunjukkan koperasi berjaya menjadi platform yang mampu



memupuk keusawanan dalam segenap peringkat umur. Apatah lagi koperasi yang diwujudkan oleh PIBG yang sudah pasti terdapat pemikir dan penggerak yang hebat.

12. Saya yakin dengan tertubuhnya koperasi PIBG di sekolah ini, lebih banyak program yang dapat

dijalankan dalam usaha kita memberi yang terbaik kepada pendidikan pelajar di sini.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

13. Berdasarkan ucapan Guru Besar, Yang Dipertua PIBG tadi, memberi gambaran jelas kepada saya

bahawa hubungan PIBG dan sekolah amat baik dan erat. Selain itu juga, PIBG dan sekolah mempunyai banyak perancangan yang disusun dalam memastikan pembangunan sekolah dan modal insan tercapai.

14. Saya juga mencadangkan agar pihak PIBG lebih banyak menjalinkan

kerjasama dengan pihak luar seperti pihak swasta dan agensi kerajaan bagi membantu manjayakan setiap program yang dirancang. Seperti hari ini saya dapat melihat kehadiran Tuan Nizam Kamjan , Ahli Majlis MPP Zon 10 Dun Kota Kemuning dan Tabung Haji bersama dengan PIBG berganding bahu dalam usaha membantu

pembangunan sekolah. Ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 perlunya Penglibatan Ibu Bapa , Komuniti dan Swasta secara meluas dalam membangunkan ekosistem pembelajaran di sekolah dan di luar waktu persekolahan.

15. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas kesudian pihak PIBG menjemput saya dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim saya merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Ke-29 Sekolah Kebangsaan Taman Alam Megah. Sekian terima kasih.